

Praktis ke arah PT3

Bahagian A

Pilih jawapan yang paling tepat.

6.1 Tamadun Yunani

1 Setiap polis mempunyai kawasan lapang yang digunakan sebagai tempat pertemuan dan pasar awam.

Kawasan ini dikenali sebagai

- A agora C acropolis
B akueduk D amfiteater

2 Apakah kegiatan ekonomi penduduk kampung yang tinggal di luar kawasan acropolis?


- I Pertanian
II Penternakan
III Perdagangan
IV Memungut hasil hutan
A I dan II C II dan III
B I dan IV D III dan IV

3 Mengapakah penduduk Yunani bertanggungjawab menjaga hak dan kepentingan setiap polis?

- A Merupakan pusat pentadbiran
B Menjaga keselamatan negara kota
C Merupakan tanah suci kurniaan Dewa
D Menjadi kawasan perlindungan daripada musuh

6.2 Peningkatan Pemerintahan dan Pentadbiran Tamadun Yunani

4 Rajah berikut menunjukkan proses perkembangan sistem pemerintahan dan pentadbiran di Athens.



Apakah X?

- A Oligarki C Republik
B Monarki D Demokrasi

5 Maklumat berikut menerangkan perkembangan sistem demokrasi di Athens.

Sistem pemerintahan yang dikuasai oleh sebahagian kecil golongan yang berkuasa.

Apakah sistem pemerintahan tersebut?

- A Tirani C Monarki
B Oligarki D Aristokrasi

6 Siapakah yang berkuasa dalam pemerintahan berdasarkan sistem aristokrasi?

- A Golongan yang berkuasa
B Golongan bijak pandai
C Golongan bangsawan
D Golongan yang zalim

7 Pilih pernyataan yang benar tentang Dewan Perhimpunan yang diwujudkan di Athens.

- A Membuat deklarasi peperangan
B Badan pentadbiran yang terakhir
C Berfungsi sebagai dewan orang ramai
D Ahlinya berkhidmat selama lima bulan


8 Maklumat berikut berkaitan dengan Dewan Perhimpunan di Athens.

- Anggotanya terdiri daripada semua warganegara lelaki
- Setiap warganegara berpeluang memegang jawatan selama enam bulan hingga setahun

Antara berikut, yang manakah merupakan fungsi Dewan Perhimpunan?

- I Mengendalikan jabatan kerajaan
II Membuat deklarasi peperangan
III Membincangkan hal kewangan dan percukaian
IV Menguruskan hal ehwal pendidikan dan percukaian
A I dan II C II dan III
B I dan IV D III dan IV

9 Rajah berikut menunjukkan ciri-ciri demokrasi di Athens.



Apakah fungsi X?

- A Melantik ahli Majlis
B Bertanggungjawab dalam hal berkaitan keadilan
C Melaksanakan dasar-dasar yang telah diputuskan oleh Majlis
D Membuat deklarasi peperangan bagi mempertahankan kedaulatan Athens

- 10 Di Sparta, sistem pemerintahan dan pentadbiran bersifat monarki terhadap. Bagaimanakah masyarakat Sparta dapat memastikan tiada kuasa mutlak raja?

- I Terdapat dua orang raja yang memerintah
 - II Lima orang pegawai dilantik sebagai ephors
 - III Dewan Perhimpunan mempunyai 10 000 orang ahli
 - IV Majlis mempunyai 28 orang ahli yang berusia melebihi 60 tahun
- A I dan II C II dan III
B I dan IV D III dan IV

- 11 Mengapakah terdapat dua orang raja dalam sistem pemerintahan dan pentadbiran Sparta?

- A Mengukuhkan kuasa
- B Melicinkan pentadbiran
- C Meluaskan peluang mentadbir
- D Mengelakkan daripada bersikap kejam

- 12 Pernyataan berikut berkaitan dengan pemerintahan dan pentadbiran di Sparta.

Kanak-kanak seawal usia 7 tahun dan kaum wanita akan dilatih menjadi anggota tentera dan turut menjalani latihan fizikal.

Apakah yang dapat dikaitkan dengan pernyataan tersebut?

- A Kerajaan oligarki
- B Kerajaan monarki
- C Kerajaan demokrasi
- D Kerajaan ketenteraan

6.3 Tamadun Rom

- 13 Maklumat berikut berkaitan dengan suatu kawasan dalam Tamadun Rom.

Kawasan subur yang membolehkan aktiviti pertanian giat dijalankan.

Apakah nama kawasan tersebut?

- A Lembah Latium C Laut Kaspia
- B Sungai Tiber D Laut Merah

- 14 Siapakah yang tergolong dalam kelompok Plebian dalam Tamadun Rom?

- I Raja
 - II Artisan
 - III Peniaga
 - IV Bangsawan
- A I dan II C II dan III
B I dan IV D III dan IV

6.4 Peningkatan Seni Bina dalam Tamadun Rom

- 15 Antara berikut, yang manakah merupakan ciri-ciri pembinaan bangunan dalam Tamadun Rom?

- I Penggunaan siling
 - II Penggunaan marmar
 - III Tiang hadapan gaya Rom
 - IV Kubah bentuk melengkung
- A I dan II C II dan III
B I dan IV D III dan IV

- 16 Apakah faktor yang mendorong kemajuan seni bina dalam Tamadun Rom?

- I Pendidikan
 - II Buruh luar
 - III Bahan binaan
 - IV Pemerintahan
- A I dan II C II dan III
B I dan IV D III dan IV

- 17 Gambar berikut menunjukkan seni bina dalam Tamadun Rom.



Antara berikut, yang manakah merupakan fungsi binaan tersebut?

- I Tempat penyembahan dewa dewi
 - II Tempat mengadakan persembahan
 - III Tempat pertandingan acara gladiator
 - IV Membekalkan sumber air ke rumah kediaman
- A I dan II C II dan III
B I dan IV D III dan IV

- 18 Gambar berikut menunjukkan seni bina Pantheon yang terkenal dalam Tamadun Rom dan masih kekal hingga kini.



Apakah fungsi seni bina tersebut?

- A Membuat persembahan seni
- B Tempat menyembah dewa dewi
- C Kubu pertahanan Tamadun Rom
- D Tempat menyimpan air untuk disalurkan ke rumah kediaman